



SEMBANG@waghiih

(PENA UNIT HAL EHWAL ISLAM UITMCNS)

Salam Maal Hijrah 1447H



MUTIARA HADITH NABI SAW


Oleh : Nor Mohd Faisal bin Md Ariffin

Bagi tujuan memberi fokus kepada matlamat hidup, iaitu semata-mata mencari keberkatan dan redha Allah SWT, Nabi SAW dalam sebuah hadith ada berpesan melalui sabdanya :

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : ان الله كره لكم ثلاثا , قيل وقال , وكثرة السؤال , واطاعة المال .



Yang bermaksud : “Sesungguhnya Allah SWT membenci diri kamu disebabkan oleh tiga perkara. Pertama, kamu berkata-kata tanpa tujuan dan menyebarkan khabar angin yang tidak benar. Kedua, kamu terlalu banyak soal dan banyak bertanya sesuatu untuk mengelak, dan mencari helah supaya tidak melakukan kebaikan), dan ketiga kamu membazirkan harta.”



MENJAGA LISAN



Hadith ini mengingatkan kepada kita agar sentiasa berdisiplin dalam percakapan, bersederhana dalam pertanyaan, serta bijak dan berhemah dalam menguruskan kewangan.

Nabi melarang membawa mulut kerana boleh menjuruskan manusia kepada fitnah, permusuhan dan buang masa. Lisan yang Allah anugerahkan kepada manusia sebaiknya digunakan untuk perkara-perkara yang bermanfaat yang boleh membawa ke syurga.

Untuk mendapatkan ilmu, kita perlu menyoal atau bertanya. ini adalah sesuatu perkara yang disaran dan digalakkan dalam Islam. Namun, larangan yang dimaksudkan oleh Nabi SAW dalam hadith ini ialah bertanya sesuatu yang bermotifkan elemen-elemen yang buruk seperti untuk menguji, menyusahkan atau mempermainkan hukum.

Dalam soal kewangan pula, Islam melarang berbelanja kepada perkara yang haram dan melalaikan sehingga melupakan tanggungjawab kepada harta yang wajib dikeluarkan hak-hak zakat apabila telah sempurna haul dan nisabnya.

Begitu juga, pengurusan harta yang baik amat dianjurkan oleh Islam kerana dapat menjauhkan diri kita daripada meminta-minta.





Oleh : Masliyana Ismail

IKHTILAT: BATAS PERGAULAN YANG MESTI DIJAGA

Dalam kehidupan seharian, kita tidak dapat mengelak daripada berinteraksi dengan individu berlainan jantina. Namun, Islam telah menetapkan panduan yang penting dalam hal ini, iaitu konsep "ikhtilat," yang merujuk kepada pergaulan antara lelaki dan perempuan bukan mahram.

Apakah itu ikhtilat?

Ikhtilat merujuk kepada percampuran bebas antara lelaki dan perempuan bukan mahram tanpa batasan syarak. Contohnya termasuk duduk bersama tanpa tujuan yang jelas, berbual mesra, atau bergurau senda dalam suasana santai, serta berhubungan tanpa keperluan syarie.

Apakah hukum pergaulan ini?

Pergaulan bebas tanpa sebab yang dibenarkan adalah haram, kerana ia boleh menimbulkan fitnah dan membawa kepada dosa. Walau bagaimanapun, jika terdapat keperluan seperti belajar, bekerja, atau urusan penting, Islam membenarkannya dengan syarat menjaga adab.

Antara adab yang perlu dijaga adalah:

1) Menundukkan pandangan 2) Tidak bersentuhan 3) Menjaga intonasi suara dan percakapan 4) Mengelakkan khalwat (berdua-duaan) 5) Berpakaian menutup aurat

Dalil daripada al-Quran:

قُلْ لِلْمُؤْمِنِينَ يَغُضُّوا مِنْ أَبْصَارِهِمْ وَيَحْفَظُوا فُرُوجَهُمْ ذَلِكَ أَزْكَى لَهُمْ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا يَصْنَعُونَ

"Dan katakanlah kepada lelaki yang beriman supaya menundukkan pandangan mereka dan memelihara kemaluan mereka..." (Surah an-Nur, ayat 30)

Hadis riwayat Ibn Abbas r.a. daripada Nabi SAW yang bermaksud:

"Janganlah seorang lelaki itu bersunyan dengan seorang wanita kecuali disertai dengan mahramnya." (al-Bukhari, 5233; Muslim, 3336)

Islam tidak melarang pergaulan secara mutlak, tetapi menetapkan batasan yang jelas demi menjaga kehormatan, maruah, dan kesucian hati. Marilah kita bersama-sama menjaga diri daripada terjerumus dalam pergaulan bebas dan kembali kepada garis panduan Islam.





Oleh : Adli Ibrahim



ZAKAT: UNTA BERTALI

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَتَتْ سَنَابِلَ فِي كُلِّ سُبُلَةٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ وَاللَّهُ يُضَاعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ (261)

"Perumpamaan (sedekah) orang yang membelanjakan harta benda mereka di jalan Allah, adalah sama seperti sebiji benih yang menumbuh tujuh tangkai, setiap tangkai itu pula mengandung 100 biji. Dan Allah akan melipat gandakan pahala bagi sesiapa yang Dia mahu dan Allah Maha Luas Kurnia-Nya lagi Maha Mengetahui."

(al Baqarah : 261).


Al Quran menceritakan perihal bagi orang yang bersedekah, yang digandakan ganjarannya di sisi Allah dengan 2 lipat kali ganda dari apa yang disedekahkan olehnya. Diperumpamakan sedekahnya itu dengan satu benih tumbuhan (pokok), maka ianya akan bercambah menjadi 7 tangkai, dan setiap tangkai darinya pula akan terhasil 100 biji buah (yang akan memberi manfaat kepada sekalian makhluk).



Disebutkan oleh Said ibn Jubair bahawa maksud 'Pada Jalan Allah' itu adalah menafkahkan hartanya untuk keperluan jihad, seperti mempersiapkan kuda dan senjata serta lain-lain lagi untuk tujuan berjihad. Syabib ibn Basyir meriwayatkan dari Ikrimah & Ibnu Abbas RA bahawa menafkahkan harta untuk keperluan jihad dan ibadah haji pahalanya dilipatgandakan sehingga tujuh ratus kali lipat.



Sambungan...



Imam Ahmad meriwayatkan, telah menceritakan kepada kami Muhammad ibnu Ja'far, telah menceritakan kepada kami Syu'bah, dari sulaiman, bahawa ia pernah mendengar Abu Amr Asyr-Syaibani menceritakan hadis berikut dari Ibnu Mas'ud, bahawa ada seorang lelaki menginfakkan seekor unta yang telah diberi tali kendalinya, maka Rasulullah ﷺ bersabda :

لَتَأْتِيَنَّ يَوْمَ الْقِيَامَةِ سَبْعُمِائَةِ نَاقَةٍ مَحْطُومَةٍ

Sesungguhnya kamu akan datang di hari kiamat nanti, dengan membawa tujuh ratus ekor unta yang telah diberi tali kendalinya.

Ada banyak lagi kisah dari hadith yang menceritakan kenyataan tujuh lipat kali ganda ini yang boleh dijadikan sebagai sumber inspirasi kepada kita.

Sebagai sebuah Institusi Pendidikan (UiTM) kita juga tidak terlepas dari mempersiapkan barisan ketenteraan dari segi akademik untuk berada di barisan hadapan untuk mempertahankan agama, bangsa dan negara yang tercinta ini.

Semoga kita sebagai hamba yang hidup di Dunia sementara ini, demi kelangsungan hidup di Akhirat kelak menjadikan ini sebagai titik permulaan inspirasi atau pedoman untuk persiapan kehidupan kita di Akhirat kelak. Maka, demi memastikan kemampuan persiapan ini dilaksanakan baik, bersamalah kita bersatu padu untuk memperkukuhkan Zakat, Sedeqah dan Wakaf. Supaya ianya dapat dimanfaatkan sebaiknya buat anak didik yang berada di institusi keramat ini.

AKTIVITI UHEI

Oleh : Mohd Sairin Sarlan

Majlis Perlancongan MAINS CARE IPT - UITMCNS



Program Rewang Ibadah Korban UiTM CNS



**TERIMA KASIH KEPADA SEMUA PIHAK YANG
HADIR BAGI MENJAYAKAN PROGRAM
REWANG IBADAH KORBAN
DI UITMCNS**



UNIT HAL EHWAL ISLAM (UHEI) UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

NOR MOHD FAISAL MD ARIFFIN - KETUA UNIT (UHEI UITMCNS)

KAMPUS KUALA PILAH

MOHAMMAD FAIZUL ABDAN (KETUA SEKSYEN)
MOHAMAD FADZLY SPALIE
06-483 2291

KAMPUS SEREMBAN

IZWANIYATI IBRAHIM (KETUA SEKSYEN)
PUAAD OSMAN
MUHAMMAD LUQMAN ROSLAN
ABDUL HADI ABD WAHAB
06-6342000 EXT 2283

KAMPUS REMBAU

MASLIYANA ISMAIL (KETUA SEKSYEN)
MUHAMMAD 'ADLI IBRAHIM
MOHD SAIRIN SARLAN
06-6982354

